

D224

B B908 DEB
MAHATHIR - CUEPACS R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENERIMA TAWARAN CUEPACS SUPAYA +BERSETUJU DAHULU DAN BAYAR KEMUDIAN+ SEBAGAI LANKAH KE ARAH PENYELESAIAN ISU TUNTUTAN GAJI KAKITANGAN AWAM YANG BERLARUTAN SELAMA 19 BULAN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PANGKALAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA DI SINI SELEPAS MELAWAT LABUAN, PERDANA MENTERI BERKATA: +KITA TIDAK DAPAT BERBUAT DEMIKIAN KERANA KITA TIDAK TAHU MASA HADAPAN NANTI.+

BELIAU MENGULAS LAPORAN MENGENAI CADANGAN SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS HAJI JAMALUDDIN ISA BAHAWA CUEPACS TIDAK AKAN +MENENTANG+ KERAJAAN JIKA SELEPAS RUNDINGAN MENGENAI TUNTUTAN GAJI ITU DIBERESKAN, TIDAK ADA PULA WANG UNTUK MEMBAYAR GAJI YANG BARU DAN ELAUN.

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA CUEPACS TELAH MENCADANGKAN PERKARA ITU BANYAK KALI, TETAPI KERAJAAN TIDAK DAPAT MENERIMANYA.

KATANYA: +TIDAK ADA APA-APA YANG BARU MENGENAI CADANGAN ITU KERANA MEREKA TELAH MEMBERITAHU KITA DEMIKIAN SEJAK DAHULU LAGI.+ -- LAGI

1912MST 18 04 86

D225

B B909 DEB
MAHATHIR - CUEPACS 2 KUALA LUMPUR R R R
(I)

MENURUT LAPORAN, PERJANJIAN ITU AKAN DIKUATKUASAKAN APABILA KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU BAHAWA KERAJAAN ADA WANG UNTUK MEMBAYAR SEBAHAGIAN ATAU SEMUA GAJI DAN ELAUN YANG DIPERSETUJUI.

KERAJAAN DAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA AKAN BERSAMA-SAMA MENGESANI KEADAAN KEWANGAN TIAP-TIAP EMPAT BULAN SEKALI UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI KEMAMPUAN KERAJAAN MEMBAYAR GAJI DAN ELAUN BARU, TAMBAH LAPORAN ITU.-- BERNAMA

1913MST 18 04 86